

Kertas Bil. 50 / 2014

**LAPORAN JAWATANKUASA
PERATURAN-PERATURAN TETAP
DEWAN NEGERI SELANGOR**

**JAWATANKUASA PERATURAN-PERATURAN TETAP
DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS**

**LAPORAN JAWATANKUASA PERATURAN-PERATURAN TETAP
DEWAN NEGERI SELANGOR**

1. Menurut Peraturan 69 (3), Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor, adalah menjadi kewajipan Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap menimbaung dari satu masa ke satu masa dan mengeluarkan pernyataan kepada Dewan berkenaan dengan perkara-perkara berkaitan dengan Peraturan-Peraturan Tetap yang diserahkan oleh Dewan kepadanya bagi dibentangkan.
2. Pada Mesyuarat Ketiga Penggal Pertama Persidangan Dewan Negeri Selangor Yang Ketiga Belas yang lalu telah dibawakan suatu Usul cadangan pindaan kepada Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor melalui Kertas Mesyuarat Bil. 14/2013. Usul tersebut telah dibacakan dan dipersetujui oleh Dewan Negeri Selangor pada 29 November 2013 dan Dewan telah menyerahkan perkara-perkara yang hendak dipindah itu kepada Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap seperti di Lampiran A Kertas Mesyuarat Bil. 14/2013 tersebut untuk diperhalusi sebelum dipertimbangkan bagi diluluskan pindaan tersebut oleh Dewan.
3. Pada Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Persidangan Dewan Negeri Selangor Yang Ketiga Belas yang lalu Kertas Mesyuarat Bil. 7/2014 yang mengandungi Laporan Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor yang telah disediakan oleh Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap setelah meneliti dan mempertimbangkan pindaan-pindaan yang diserahkan kepadanya pada 29 November 2013 ditarik balik bagi membolehkan Ahli-Ahli Dewan

Negeri memberikan maklumbalas terhadap cadangan-cadangan pindaan yang telah dikemukakan oleh Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap di dalam Kertas Mesyuarat Bil. 7/2014 tersebut.

4. Pada Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Persidangan Dewan Negeri Selangor Yang Ketiga Belas yang lalu telah dibawakan suatu Usul cadangan pindaan kepada Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor melalui Kertas Mesyuarat Bil. 16/2014. Usul tersebut telah dibacakan dan dipersetujui oleh Dewan Negeri Selangor pada 18 Jun 2014 dan Dewan telah menyerahkan perkara-perkara yang hendak dipindah itu kepada Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap seperti di Lampiran A Kertas Mesyuarat Bil. 16/2014 tersebut untuk diperhalusi sebelum dipertimbangkan bagi diluluskan pindaan tersebut oleh Dewan.
5. Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor selaras dengan amanah yang diberikan oleh Dewan telah mengadakan mesyuarat bagi mengkaji dan meneliti kesemua cadangan pindaan kepada Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor seperti yang diserahkan kepadanya pada 29 November 2013 dan 18 Jun 2014 yang lalu. Senarai Ahli-ahli Jawatankuasa adalah seperti di **Lampiran A** dan kesemua cadangan pindaan yang dinyatakan di **Perenggan 2** dan **Perenggan 4** adalah seperti di **Lampiran B**.
6. Penelitian Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri mendapat pindaan yang dicadangkan melibatkan Peraturan-Peraturan berikut:
 - (a) Penambahan Peraturan 10A;
 - (b) Peraturan 11;
 - (c) Peraturan 24;
 - (d) Peraturan 68;
 - (e) Peraturan 68A;
 - (f) Peraturan 68B;
 - (g) Peraturan 68C;

- (h) Peraturan 73;
 - (i) Peraturan 76;
 - (j) gelaran 'Tuan Speaker'; dan
 - (k) kesilapan-kesilapan ejaan yang terdapat di dalam Peraturan-Peraturan bagi Dewan Negeri Selangor.
7. Ulasan dan syor Jawatankuasa berhubung kesemua cadangan pindaan kepada Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor seperti di Lampiran B.
8. Menurut Peraturan 69(3) dan 69(4), Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap mengesyorkan cadangan pindaan Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor ini diluluskan mengikut ulasan dan syor Jawatankuasa seperti di Lampiran B.
9. Dengan ini, Laporan Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor dibentangkan kepada Dewan dan seterusnya dipertimbangkan syor sepatimana yang terdapat di dalam Laporan dan seterusnya untuk diterima pakai.



Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
Pengerusi
Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap
Dewan Negeri Selangor.

24 Oktober 2014

Lampiran A

**SENARAI AHLI-AHLI JAWATANKUASA PERATURAN-PERATURAN TETAP BAGI
DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS**

- | | | |
|----|---|-----------|
| 1. | Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan
Tuan Speaker,
Dewan Negeri Selangor
(ADN Kawasan Subang Jaya) | Pengerusi |
| 2. | Y.B. Puan Haniza bt. Mohamed Talha
(ADN Kawasan Taman Medan) | Ahli |
| 3. | Y.B. Tuan Loh Chee Heng
(ADN Kawasan Teluk Datuk) | Ahli |
| 4. | Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman
(ADN Kawasan Paya Jaras) | Ahli |
| 5. | Y.B. Puan Noor Hanim binti Ismail
(ADN Kawasan Seri Serdang) | Ahli |
| 6. | Y.B. Tuan Tan Pok Shyong
(ADN Kawasan Pandamaran) | Ahli |
| 7. | Y.B. Datuk Rosni binti Sahar
(ADN Kawasan Hulu Bernam) | Ahli |

Lampiran B

ULASAN JAWATANKUASA PERATURAN-PERATURAN TETAP
DEWAN NEGERI SELANGOR

BIL	PERATURAN TETAP ASAL	CADANGAN PINDAAN ASAL	SYOR JAWATANKUASA	ULASAN JAWATANKUASA
(a)	Peraturan Tetap Baru	<p>Cadangan Peraturan Tetap 10A adalah seperti berikut:</p> <p>"Setiap Persidangan Dewan hendaklah disiarkan secara langsung sama ada melalui stesen televisyen ataupun laman sesawang sepanjang masa persidangan."</p>	<p>"Setiap Persidangan Dewan hendaklah disiarkan secara langsung sama ada melalui stesen televisyen ataupun laman sesawang sepanjang masa persidangan."</p>	<p>Peraturan baru ini bagi membolehkan siaran langsung Persidangan Dewan diwajibkan bagi penggal-penggal yang seterusnya supaya perbahasan yang berlangsung di dalam Dewan terutama sekali yang melibatkan kepentingan rakyat secara amnya dapat dilikuti selaras dengan konsep kerajaan yang telus, amanah dan bertanggungjawab.</p>

BIL	PERATURAN TETAP ASAL	CADANGAN PINDAAN ASAL	SYOR JAWATANKUASA	ULASAN JAWATANKUASA
(b)	Peraturan Tetap 11 11(1)hingga 11(4)	<p>Cadangan Peraturan Tetap ibu adalah dipinda seperti berikut:</p> <p>"11 (1) Kecuali jika Dewan mengeluarkan perintah lain—</p> <p>(a) Setiap persidangan pada hari Isnin, Selasa, Rabu dan Khamis hendaklah dimulakan pada pukul 10.00 pagi dan ditangguhkan pada pukul 1.00 petang; <u>dan persidangan demikian itu hendaklah dimulakan semula pada pukul 2.30 petang sehingga pukul 4.30 petang;</u></p> <p>(b) Setiap persidangan pada hari Jumaat hendaklah dimulakan pada pukul 9.30 pagi dan ditangguhkan pada pukul 12.00 tengah hari, <u>dan persidangan demikian itu hendaklah dimulakan semula pada pukul 3.00 petang sehingga pukul 4.30 petang;</u></p> <p><u>dan persidangan demikian itu hendaklah dimulakan semula pada pukul 2.30 petang sehingga pukul 4.30 petang atau sehingga pukul 5.10 petang pada apa-apa hari jika ada dikeluarkan usul hendak</u></p>	Bersetuju dengan cadangan pindaan asal.	Jawatankuasa merasakan bahawa pindaan tersebut adalah perlu untuk melincinkan perjalanan Sidang Dewan.

		<p>menangguhkan mesyuarat menurut Peraturan Tetap 16:</p> <p>Dengan syarat sesuatu usul, yang hendak diputuskan dengan tidak boleh dipinda atau dibahas, boleh dikeluarkan oleh Menteri Besar pada bila-bila masa supaya mesyuarat berkenaan dengan apa-apa urusan tertentu yang telah ditetapkan untuk hari ini, dibebaskan daripada syarat-syarat Peraturan ini.</p>		
--	--	--	--	--

BIL	PERATURAN TETAP ASAL	CADANGAN PINDAAN ASAL	SYOR JAWATANKUASA	ULASAN JAWATANKUASA
(c)	Peraturan Tetap 24 (1) hingga 24 (6)	<p>Cadangan Peraturan Tetap Ibu adalah dipinda seperti berikut:</p> <p>"24(2) Jika seseorang ahli yang hendak mengeluarkan pertanyaan meminta jawab lisan itu tidak bangun mengeluarkan pertanyaannya, maka sesiapa ahli lain bolehlah, <u>tertakluk kepada budi bicara Tuan Speaker</u>, mengambil pertanyaan itu menjadil pertanyaan sendiri..."</p>	Bersetuju dengan cadangan pindaan asal.	Jawatankuasa merasakan bahawa pindaan ini adalah perlu supaya Tuan Speaker diberi kuasa untuk memastikan sidang Dewan berjalan dengan lebih sistematik dan efisyen di mana kelebihan seseorang ahli untuk mengambil pertanyaan ahli lain tidak disalahguna.

BIL	PERATURAN TETAP ASAL	CADANGAN PINDAAN ASAL	SYOR JAWATANKUASA	ULASAN JAWATANKUASA
(c)	Peraturan Tetap 24 24(1)hingga 24(6)	Cadangan Peraturan Tetap ibu adalah dipinda dengan memasukkan perenggan 24(7), 24(8), 24(9) dan 24(10) seperti berikut: “24(7) Sebarang pertanyaan untuk jawapan lisan yang tidak sempat dijawab oleh Menteri Besar hendaklah diberikan jawapannya secara bertulis kepada ahli yang bertanyakan soalan tersebut sebelum usul hendak menangguhkan Dewan kepada hari yang lain dibawa.	Bersetuju dengan cadangan pindaan asal.	Pindaan ini dilakukan bagi membolehkan ahli mendapatkan jawapan bagi pertanyaan mereka selaras dengan doktrin ‘semak dan imbang’ (<i>‘check and balance’</i>) di mana badan eksekutif bertanggungjawab terhadap badan legislatif.
		24(8) Semua pertanyaan bagi jawapan bertulis mestilah dijawab dan jawapan bertulis diedarkan kepada ahli yang bertanyakan soalan tersebut pada hari pertama persidangan Dewan iaitu genap dua puluh satu hari	24(8) Semua pertanyaan bagi jawapan bertulis mestilah dijawab dan jawapan bertulis diedarkan kepada ahli yang bertanyakan soalan tersebut pada minggu pertama persidangan	Berdasarkan maklumbalas daripada Ahli-Ahli Dewan Negeri, Jawatankuasa bersetuju supaya semua jawapan bertulis diedarkan kepada ahli yang bertanyakan soalan tersebut pada minggu pertama persidangan Dewan setelah

		pada tarikh pertanyaan dikeluarkan.	Dewan.	mengambil kira kekangan yang dihadapi oleh jabatan-jabatan kerajaan serta agensi-agensi berkait untuk menyediakan jawapan kepada pertanyaan-pertanyaan tersebut.
		24(9) Menteri Besar dan/atau ahli Dewan yang dicadangkan oleh Menteri Besar menurut Peraturan Tetap 21 jika gagal untuk menjawab pertanyaan untuk jawapan lisan atau jawapan bertulis seperti dalam Peraturan Tetap 24(7) dan 24(8) akan dirujuk ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan oleh Tuan Speaker.	Bersetuju untuk <u>menggugurkan</u> cadangan pindaan ini.	Jawatankuasa bersetuju untuk menggugurkan cadangan pindaan ini setelah mengambilkira maklumbalas daripada Ahli-Ahli Dewan Negeri.
		24(10) Seseorang ahli yang tidak berpuas hati dengan jawapan lisan atau jawapan bertulis yang telah diberikan boleh merayu secara bertulis kepada Tuan Speaker dan memberikan butir-butir yang berkaitan. Tuan Speaker, jika puas hati	Bersetuju untuk <u>menggugurkan</u> cadangan pindaan ini.	Jawatankuasa bersetuju untuk menggugurkan cadangan pindaan ini setelah mengambilkira maklumbalas daripada Ahli-Ahli Dewan Negeri.

	dengan rayuan tersebut bolehlah mengarahkan supaya soalan dijawab semula oleh pihak yang berkaitan atau bolehlah diserahkannya perkara itu kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.”	
--	--	--

BIL	PERATURAN TETAP ASAL	CADANGAN PINDAAN ASAL	SYOR JAWATANKUASA	ULASAN JAWATANKUASA
(d)	Peraturan Tetap 68 68(1)hingga 68(5)	<p>Cadangan Peraturan Tetap ibu adalah dipinda seperti berikut:</p> <p>"68(2) Jawatankuasa ini hendaklah terdiri daripada Ketua Pembangkang sebagai Pengerusi dan tidak lebih daripada enam orang ahli lain yang akan dilantik oleh Dewan, dengan seberapa segera selepas permulaan tiap- tiap Penggal Persidangan."</p>	<p>"68(1) Hendaklah ada sebuah Jawatankuasa yang akan dinamakan Jawatankuasa Kira-kira Wang Kerajaan dilantik pada awal tiap-tiap penggal persidangan dan dipengerusikan oleh Ketua Pembangkang kerana memeriksa..."</p> <p>dan</p> <p>68(3) Tiada ahli boleh dilantik atau bertindak sebagai Pengerusi atau ahli jawatankuasa Akaun Awam ini semasa dia menjadi ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.</p>	<p>Peraturan ini akan mewajibkan Ketua Pembangkang mengetuai Jawatankuasa ini selari dengan konvensyen yang digunakan oleh parlimen-parlimen negara Komanwel yang lain.</p> <p>Jawatankuasa merasakan bahawa Ketua Pembangkang perlu mengetuai Jawatankuasa ini memandangkan elauh khas Ketua Pembangkang telah diluluskan dan tugasannya setimpal dengan tanggungjawab dan amanah yang telah diberikan. Ia juga dapat memastikan doktrin 'semak dan imbang' ('check and balance') dapat dilaksanakan dengan lebih efektif.</p> <p>Pindaan bagi Peraturan 68 (3) dibuat bagi mengelakkan kekeliruan kerana Peraturan 68 (3) yang asal merujuk kepada Jawatankuasa Akaun Awam sahaja.</p>

BIL	PERATURAN TETAP ASAL	CADANGAN PINDAAN ASAL	SYOR JAWATANKUASA	ULASAN JAWATANKUASA
(e)	Peraturan Tetap 68A 68A (1) hingga 68A (2)	<p>Cadangan Peraturan Tetap ibu adalah dipinda dengan menggantikan perenggan 68A (2) sedia ada daripada:</p> <p>"68A (2) Semua perenggan dalam Peraturan Tetap 68 selain daripada perenggan (1) adalah terpakai dalam Peraturan Tetap ini."</p> <p>kepada:</p> <p>"68A (2) Jawatankuasa ini hendaklah terdiri daripada seorang Pengerusi dan tidak lebih daripada enam orang ahli yang akan dilantik oleh Dewan, dengan seberapa segera selepas permulaan tiap-tiap Penggal Persidangan."</p> <p>dan dengan memasukkan perenggan (3), (4) dan (5) seperti berikut:</p> <p>"68A (3) Tiada ahli boleh dilantik atau bertindak sebagai Pengerusi atau ahli Jawatankuasa Pilihan Pejabat Daerah dan Tanah (JP-PADAT) semasa dia menjadi</p>	Bersetuju untuk <u>menggugurkan</u> cadangan pindaan ini.	Jawatankuasa bersetuju untuk menggugurkan cadangan pindaan ini kerana Peraturan 68 (3) telah disyorkan oleh Jawatankuasa untuk dipinda supaya ia tidak merujuk kepada Jawatankuasa Akaun Awam sahaja.

	<p>ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.</p> <p>68A (4) Jawatankuasa ini hendaklah mempunyai kuasa memanggil orang hadir di hadapannya atau meminta surat dan rekod, dan membuat laporan kepada Dewan dari semasa ke semasa.</p> <p>68A (5) Ketua Audit Negara bolehlah dijemput untuk menghadiri setiap mesyuarat Jawatankuasa itu dan Ketua Audit Negara berhak memberikan pendapatnya, sama ada secara sendiri atau oleh wakilnya, dan dengan mendapat kebenaran dari Pengerusi, dia berhak juga mengemukakan pertanyaan kepada mana-mana orang yang telah dijemput hadir dalam mesyuarat Jawatankuasa itu.”</p>		
--	--	--	--

BIL	PERATURAN TETAP ASAL	CADANGAN PINDAAN ASAL	SYOR JAWATANKUASA	ULASAN JAWATANKUASA
(f)	Peraturan Tetap 68B 68B (1) hingga 68B (2)	<p>Cadangan Peraturan Tetap ibu adalah dipinda dengan menggantikan perenggan 68B (2) sedia ada daripada:</p> <p>"68B (2) Semua perenggan dalam Peraturan Tetap 68 selain daripada perenggan (1) adalah terpakai dalam Peraturan Tetap ini."</p> <p>kepada:</p> <p>"68B (2) Jawatankuasa ini hendaklah terdiri daripada seorang Pengerusi dan tidak lebih daripada enam orang ahli yang akan dilantik oleh Dewan, dengan seberapa segera selepas permulaan tiap-tiap Penggal Persidangan."</p> <p>dan dengan memasukkan perenggan (3), (4) dan (5) seperti berikut:</p> <p>"68B (3) Tiada ahli boleh dilantik atau bertindak sebagai</p>	Bersetuju untuk <u>menggugurkan</u> cadangan pindaan ini.	Jawatankuasa bersetuju untuk menggugurkan cadangan pindaan ini kerana Peraturan 68 (3) telah disyorkan oleh Jawatankuasa untuk dipinda supaya ia tidak merujuk kepada Jawatankuasa Akaun Awam sahaja.

	<p>Pengerusi atau ahli Jawatankuasa Pilihan Pihak Berkuaesa Tempatan (JP-PBT) semasa dia menjadi ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.</p> <p>68B (4) Jawatankuasa ini hendaklah mempunyai kuasa memanggil orang hadir di hadapannya atau meminta surat dan rekod, dan membuat laporan kepada Dewan dari semasa ke semasa.</p> <p>68B (5) Ketua Audit Negara bolehlah dijemput untuk menghadiri setiap mesyuarat Jawatankuasa itu dan Ketua Audit Negara berhak memberikan pendapatnya, sama ada secara sendiri atau oleh wakilnya, dan dengan mendapat kebenaran dari Pengerusi, dia berhak juga mengemukakan pertanyaan kepada mana-mana orang yang telah dijemput hadir dalam mesyuarat Jawatankuasa itu.”</p>		
--	--	--	--

BIL	PERATURAN TETAP ASAL	CADANGAN PINDAAN ASAL	SYOR JAWATANKUASA	ULASAN JAWATANKUASA
(g)	Peraturan Tetap 68C 68C (1) hingga 68C (2)	<p>Cadangan Peraturan Tetap ibu adalah dipinda dengan menggantikan perenggan 68C (2) sedia ada daripada:</p> <p>"68C (2) Semua perenggan dalam Peraturan Tetap 68 selain daripada perenggan (1) adalah terpakai dalam Peraturan Tetap ini.</p> <p>kepada:</p> <p>"68C (2) Jawatankuasa ini hendaklah terdiri daripada seorang Pengurus dan tidak lebih daripada enam orang ahli yang akan dilantik oleh Dewan, dengan seberapa segera selepas permulaan tiap-tiap Penggal Persidangan."</p> <p>dan dengan memasukkan perenggan (3), (4) dan (5) seperti berikut:</p> <p>"68C (3) Tiada ahli boleh dilantik atau bertindak sebagai</p>	Bersetuju untuk <u>menggugurkan</u> cadangan pindaan ini.	Jawatankuasa bersetuju untuk menggugurkan cadangan pindaan ini kerana Peraturan 68 (3) telah disyorkan oleh Jawatankuasa untuk dipinda supaya ia tidak merujuk kepada Jawatankuasa Akaun Awam sahaja.

	<p>Pengerusi atau ahli Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JP-ABAS) semasa dia menjadi ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.</p> <p>68C (4) Jawatankuasa ini hendaklah mempunyai kuasa memanggil orang hadir di hadapannya atau meminta surat dan rekod, dan membuat laporan kepada Dewan dari semasa ke semasa.</p> <p>68C (5) Ketua Audit Negara bolehlah dijemput untuk menghadiri setiap mesyuarat Jawatankuasa itu dan Ketua Audit Negara berhak memberikan pendapatnya, sama ada secara sendiri atau oleh wakilnya, dan dengan mendapat kebenaran dari Pengerusi, dia berhak juga mengemukakan pertanyaan kepada mana-mana orang yang telah dijemput hadir dalam mesyuarat Jawatankuasa itu."</p>		
--	---	--	--

BIL	PERATURAN TETAP ASAL	CADANGAN PINDAAN ASAL	SYOR JAWATANKUASA	ULASAN JAWATANKUASA
(h)	Peraturan Tetap 73 73(1)hingga 73(14)	<p>Cadangan Peraturan Tetap ibu adalah dipinda seperti berikut:</p> <p>"73 (5) Mesyuarat pertama Jawatankuasa Pilihan hendaklah diadakan pada masa dan di tempat yang ditetapkan oleh Pengerusi,<u>jika</u> Jawatankuasa Penggalan Dewan, atau <u>oleh Tuan Speaker jika</u> Jawatankuasa Pilihan Khas. Mesyuarat yang kemudian hendaklah diadakan pada masa dan di tempat menurut sebagaimana yang ditetapkan oleh Jawatankuasa itu:</p> <p>Tetapi disyaratkan jika Jawatankuasa ini tidak menetapkan masa dan tempatnya, maka Pengerusi hendaklah menetapkannya setelah berunding dengan Setiausaha Dewan. <u>Sekiranya Pengerusi bagi Jawatankuasa Penggalan Dewan atau Jawatankuasa Pilihan Khas gagal untuk menetapkan masa dan tempat</u></p>	<p>Bersetuju dengan cadangan pindaan asal.</p>	<p>Jawatankuasa merasakan bahawa pindaan kepada Peraturan ini adalah perlu bagi mengelakkan keadaan di mana Pengerusi gagal untuk menetapkan masa dan tempat bagi mesyuarat pertama dan mesyuarat yang seterusnya.</p> <p>Kegagalan untuk meneruskan mesyuarat boleh mengakibatkan hal-hal penting Jawatankuasa seperti, tetapi tidak terhad kepada, penyiasatan ataupun meluluskan pernyata tidak dapat dijalankan. Ini sedikit sebanyak akan menjaskam integriti dan kewibawaan pengurusan dan pentadbiran Dewan Negeri Selangor.</p>

	<p><u>bagi mesyuarat pertama dan</u> <u>mesyuarat seterusnya, Speaker</u> <u>bolehlah menetapkan masa dan</u> <u>tempat bagi mesyuarat dan</u> <u>melantik salah seorang daripada</u> <u>ahli untuk mempengerusikan</u> <u>mesyuarat tersebut sekiranya</u> <u>Pengerusi tidak hadir.</u></p>		
--	---	--	--

BIL	PERATURAN TETAP ASAL	CADANGAN PINDAAN ASAL	SYOR JAWATANKUASA	ULASAN JAWATANKUASA
(h)	Peraturan Tetap 73 73(1)hingga 73(14)	<p>Cadangan Peraturan Tetap ibu adalah dipinda seperti berikut:</p> <p>"73(8) Setiausaha Dewan <u>atau Penolong Setiausaha Dewan atau wakil yang diberi kuasa oleh Setiausaha Dewan</u> hendaklah jadi Setiausaha kepada tiap-tiap Jawatankuasa Pilihan."</p>	Bersetuju dengan cadangan pindaan asal.	<p>Peraturan baru dilihat perlu bagi mengurangkan beban kerja Setiausaha Dewan kerana Dewan pada masa ini mempunyai sembilan buah Jawatankuasa Pilihan di mana kesembilan-sembilan Jawatankuasa ini bergerak secara aktif.</p>

BIL	PERATURAN TETAP ASAL	CADANGAN PINDAAN ASAL	SYOR JAWATANKUASA	ULASAN JAWATANKUASA
(i)	Peraturan Tetap 76 76(1)hingga 76(6)	<p>Cadangan Peraturan Tetap ibu adalah dipinda dengan memasukkan perenggan (7) seperti berikut:</p> <p>"76 (7) Menteri Besar hendaklah melaporkan kepada Dewan maklumbalas berkenaan saranansaranan yang dikemukakan oleh mana-mana Jawatankuasa Pilihan atau Jawatankuasa Pilihan Khas di dalam Penyata Jawatankuasa Pilihan atau Jawatankuasa Pilihan Khas yang telah dibentangkan dan diterima oleh Dewan dalam mesyuarat seterusnya."</p>	Bersetuju dengan cadangan pindaan asal.	<p>Peraturan baru ini dilihat perlu bagi memastikan segala saranan yang telah dikemukakan oleh Jawatankuasa Penggalan Dewan atau Jawatankuasa Pilihan Khas selaku badan pemantau telah diambil tindakan oleh pihak Eksekutif. Hal ini dapat menyuburkan prinsip demokrasi berparlimen dan doktrin 'semak dan imbang' atau '<i>check and balance</i>' di antara pihak Legislatif dan Eksekutif.</p>

BIL	PERATURAN TETAP ASAL	CADANGAN PINDAAN ASAL	SYOR JAWATANKUASA	ULASAN JAWATANKUASA
(i)	Peraturan Tetap 1 hingga 92	Meminda gelaran "Tuan Speaker" di dalam Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor kepada "Speaker".	Bersetuju dengan cadangan pindaan asal.	Jawatankuasa merasakan bahawa pindaan ini adalah perlu bagi menyelaraskan penggunaan gelaran "Speaker" seperti yang termaktub di dalam Undang – Undang Tubuh Kerajaan Negeri 1959 dan mengelakkan kekeliruan di dalam terjemahan Bahasa Inggeris.

BIL	PERATURAN TETAP ASAL	CADANGAN PINDAAN ASAL	SYOR JAWATANKUASA	ULASAN JAWATANKUASA
(k)	Peraturan Tetap 1 hingga 92	Meminda kesilapan ejaan yang terdapat di dalam Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, (jika ada).	<p>Bersetuju dengan cadangan pindaan asal dan ejaan-ejaan yang perlu dipinda adalah seperti berikut:</p> <p><u>Versi Bahasa Melayu</u></p> <p>Peraturan Tetap 11 (3) "Apabila tamat mesyuarat pada hari Jumaat, Dewan dengan tidak dikemuka bagi diputuskan, hendaklah ditangguhkan sehingga sehingga hari Isnin yang berikut kecuali jika Dewan ada mengeluarkan perintah lain."</p> <p>Peraturan Tetap 17 (3) "... maka usul ini hendaklah ditempohkan sehingga pukul 2.30 petang hari itu juga dan pada pukul 2.30 petang itu, apa-apa perkara yang sedang dijalankan oleh Dewan hendaklah ditangguhkan itu telah diputuskan atau setelah</p>	Pindaan ini adalah perlu bagi memastikan kesahihan, keaslian dan maksud di dalam teks Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor tidak diragui.

		<p>sampai masa yang boleh diganggu, maka cadangan <u>menangguhkan menangguhkan</u> mesyuarat itu, jika belum diselesaikan lagi, adalah lucut dan perjalanan-perjalanan yang ditangguhkan tadi hendaklah diteruskan dan diuruskan menurut perenggan (4)."</p> <p>Peraturan Tetap 18 (2) (e) "Tiap-tiap ahli, sebelum membawa sesuatu rayuan hendaklah memastikan dan menuliskan di kepala surat rayuan itu, <u>beberapa beberapa</u> banyak bilangan tandatangan yang terdapat padanya,..."</p> <p>Peraturan Tetap 33 (3) "...ikut mana yang berkehendaki, dan setelah dijalankan lagi apa-apa perbaahan <u>yang yang</u> berbangkitan,..."</p> <p>Peraturan Tetap 37 (b) "jika hendak menerangkan apa-apa perkara yang dikeluarkan oleh ahli yang sedang bercakap itu muh u beralah dan duduk dan ahli yang hendak <u>mengganggu</u></p>	
--	--	--	--

		<p><u>mengganggu</u> itu dipanggil oleh Pengerusi."</p> <p>Peraturan Tetap 44 (6) "Pengerusi boleh menangguhkan Persidangan Dewan pada bila-bila masa untuk mengatasi kelakuan tidak senonoh dalam Dewan dan apabila Dewan bersidang semula; <u>(tanda nokta dibuang)</u> Pengerusi atau Dewan boleh membuat keputusan mengenai perkara tersebut atau Dewan boleh mengambil tindakan terhadap mana-mana orang yang didapati telah melanggari Peraturan-peraturan Tetap ini semasa berkelakuan tidak senonoh sebaik sahaja sebelum penangguhan Persidangan Dewan."</p> <p>Peraturan Tetap 85 "...disebutkan Hakim hendaklah difahamkan maksudnya Tuan speaker Speaker dan bila-bila disebut Pendaftar Mahkamah Tertinggi Tinggi difahamkan maksudnya Setiausaha Dewan."</p>	
--	--	--	--

		<p>Peraturan Tetap 88 "Tuan Speaker hendaklah memandang kepada adat kelaziman Majlis Parlimen dalam negeri-negeri Commonwealth Komanwel sepanjang yang boleh dipakaikan kepada perjalanan Dewan."</p> <p>Versi Bahasa Inggeris</p> <p>Peraturan Tetap 1 "On the first day of the meeting of the Assembly after a State General Election, member members having assembled..."</p> <p>Peraturan Tetap 4 (6) (a) "Where more than two candidates have been proposed and at the first ballot no candidate obtains more votes that than the aggregate votes obtained by the other candidates..."</p> <p>Peraturan Tetap 7 "The official languages of the Assembly shall be the Malay language and, in accordance</p>	
--	--	---	--

		<p>with Clauses (2) and (3) of Article 152 of the Federal Constitution, the English <u>Language language</u>."</p> <p>Peraturan Tetap 8 (1) "At least twenty eight days before the opening of a new Session, the Clerk shall send to each member a written notice directing attention to the Proclamation summoning the <u>assembly Assembly</u>. At least twenty eight days before the reassembling of the Assembly or after any adjournment of more than five days, the clerk shall send to each member a written notice of the day appointed for the next meeting:..."</p> <p>Peraturan Tetap 14 (3) "Private Member's notices of motions shall have precedence over Private Member's Bill and shall be set down in the order in which notice of each motion <u>appeared appears</u> in the Order Book."</p> <p>Peraturan Tetap 15 (2)</p>	
--	--	--	--

		<p>"At 4.30 p.m. Mr. Speaker shall interrupt any proceedings still in progress or if the Assembly is in Committee the Chairman shall leave the Chair and report progress to <u>The</u> <u>the</u> Assembly."</p> <p>Peraturan Tetap 22 (4) "A member may not ask more than ten <i>question questions</i> for oral reply and more than ten questions for written reply..."</p> <p>Peraturan Tetap 35 (3) "...Provided that any member may, without prejudice to his right to speak at a later period of the debate, second a motion or amendment by rising in his place and stating that it is his <i>intension intention</i> to second the motion or amendment."</p> <p>Peraturan Tetap 36 (9) "<i>Not No</i> reference shall be made in any debate..."</p> <p>Peraturan Tetap 50 (1) "Where any member proposes to introduce a Bill which is intended to affect or benefit</p>
--	--	--

		<p>some particular person, association or corporate body (referred to in <u>this these</u> Orders as a "Private Bill")..."</p> <p>Peraturan Tetap 50 (3) "...(referred to in <u>this these</u> Orders as a "Private Bill")..."</p> <p>Peraturan Tetap 68A (1) (b) dan (c) "(b) all <u>matters matters</u> related to the District and Land Office as published in the reports of the Auditor General laid before the Assembly in accordance with Clause (2) Article 107 of the Federal Constitution; and</p> <p>(c) all <u>matters matters</u> related to the District and Land Office as the Committee may think fit, or which may be referred to the Committee by the Assembly."</p> <p>Peraturan Tetap 68B (1) (b) dan (c) "(b) all <u>matters matters</u> related to the Local Authority as published in the reports of the Auditor General laid before the</p>	
--	--	--	--

		<p>Assembly in accordance with Clause (2) Article 107 of the Federal Constitution; and</p> <p>(c) all <u>matters</u> related to the Local Authority as the Committee may think fit, or which may be referred to the Committee by the Assembly."</p> <p>Peraturan Tetap 68C (1) (b) dan (c)</p> <p>"(b) all <u>matters</u> related to the Agency, Statutory Body and Subsidiary Company as published in the reports of the Auditor General laid before the Assembly in accordance with Clause (2) Article 107 of the Federal Constitution; and</p> <p>(c) all <u>matters</u> related to the Agency, Statutory Body and Subsidiary Company as the Committee may think fit, or which may be referred to the Committee by the Assembly."</p>	
--	--	---	--